

‘Tindakan Awang ungkap istilah zalim berniat jahat’

Anwar anggap perbandingan dibuat dengan Dr Mahathir tak masuk akal

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tindakan Ahli Parlimen Pendang, Datuk Awang Hashim mengungkapkan istilah zalim dan membandingkan dirinya dengan Tun Dr Mahathir Mohamad jelas memfitnahnya yang didorong dengan niat jahat.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) ketika menjawab pernyataan pembelaan Awang dalam saman fitnah difailkannya pada 3 Mac lalu, berkata semua rujukan kepada Dr Mahathir adalah sama sekali tidak relevan dan tidak sepatutnya dibuat oleh Awang.

Presiden PKR berkata, tindakan Awang itu membangkitkan keadaan yang memburukkan dalam saman fitnah yang difailkan beliau terhadap bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia itu.

“Perbandingan yang dibuat dan dinyatakan defendan (Awang) adalah sama sekali tidak masuk akal dan tidak boleh dipertahankan.

“Beban pembuktian terletak di atas defendan (untuk mem-buktikannya). Dalam apa juga

keadaan, defendan diletakkan ke atas beban bukti kukuh mengenai perkara sama,” katanya.

Sementara itu, dalam pernyataan pembelaannya, Awang berkata jika dibandingkan tindakan kontroversi kerajaan Dr Mahathir dengan tindakan kerajaan Anwar, jelas menunjukkan dari segi jangka masa, Mahathir melakukan Operasi Lalang hanya enam tahun selepas dilantik perdana menteri.

Bagaimanapun, beliau berkata, pertuduhan terhadap seteru politik dibuat Anwar hanya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh pelantikan beliau sebagai perdana menteri.

Katanya, Anwar ketika dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan salah guna kuasa pada sekitar 1998, terus memulakan gerakan reformasi yang menggelar Dr Mahathir sebagai ‘zalim’ dan ‘maha firaun.’

“Perbandingan ini yang dirujuk oleh saya dalam menyatakan pandangan, agakan atau telahan bahawa plaintif dalam aspek jangka masa pendakwaan dibuat terhadap lawan politik daripada tarikh pelantikan, adalah ‘lebih buruk’ atau ‘paling buruk’ dalam sejarah Malaysia, mengatasi Dr Mahathir.

“Saya tidak bermaksud membandingkan plaintif dan Dr Ma-

hathir dari aspek lain yang tidak berkait dengan pendakwaan politik yang sedang dipertanyakan oleh saya dalam kenyataan (di lobi Parlimen).

“Penggunaan perkataan “...kalau...” dalam kenyataan itu menunjukkan saya hanya cuba membuat andaian, agakan dan telahan. Ia berdasarkan pengamatan politik terhadap apa yang berlaku dalam negara adalah perkara biasa dalam politik,” katanya.



Awang Hashim

Anwar dalam pernyataan tuntutananya pula berkata, Awang sengaja memfitnahnya walaupun beliau sudah menafikan secara terbuka dan pada realitinya tidak mencampuri tugas serta kuasa agensi penguatkuasaan dan Jabatan Peguam Negara.

Perdana Menteri berkata, dakwaan penyiasatan, penguatkuasaan dan pendakwaan terpilih (olehnya) tidak mempunyai kebenaran, palsu, tidak berasas serta berniat jahat.

Beliau berkata, defendan menyedari sepenuhnya komitmennya kepada masyarakat dalam membasmu rasuah dan sokongan penuh terhadap kebebasan institusi siasatan pendakwaan serta badan kehakiman.

Katanya, defendan dengan sengaja berniat mencaci dan menuduhnya mengamalkan penyiasatan dan pendakwaan terpilih, menyebabkan impak dan kesan fitnah yang lebih teruk.